

Untuk you all... 13 - 17 tahun!

smart ♡ gorgeous ♡ trendy

Yezz!



Scan me!

yezz.karangkraf.com
JANUARI 2013

COVER STORY
RANDY & ELFIRA

"We Have Chemistry!"

School Zone!
SMK Presint 11 (D), Putrajaya

Teropong Ramalan Zodiak 2013
(extra 4 m/s)

New Year New Goals!



Mempersembahkan
KARNIVAL
KARANGKRAF MEDIA
1 - 3 Februari 2013

MESTI BACA!

RAPATKAN KEMBALI JURANG PERSAHABATAN!

ARE YOU A 'BIMBO'?

Humm... Betul ke?

BOYZ SUKAR NAK BERUBAH?


ANTARA HARAPAN & KENYATAAN



HOTTEST BOYZ
Infinite



Greyson Chance




Siva Kaneswaran (The Wanted)

CHECK IT OUT!

KOLUM BARU

Mix & Match * X-Plus * Info Cantik * Fit * P & C * F.Y.I * Techo Trend/Gajet * Yezz! Online * InstaYezz! * Ceritera

ISSN 1985-1928
9 771985 192059
PP6123/05/2013(032259)
RM4.90



Deeper & Harder: RM39.00




Jeep Jeans RM199.90

School Time!

Hahaha... musim persekolahan yang baru telah pun bermula. Jangan pula you all berasa down atau malas! Kena selalu positif untuk ke sekolah. Tamat kelas dan pada sebelah petangnya boleh buat study group. So, masa hang out nanti, nakkan mood study you all dengan item fesyen pilihan Yezzy! Ini. Let's check it out!



Jeep Long Sleeve RM169.90



Jeep Tee RM79.90

Jeep Tee RM79.90



Jeep Long Sleeve RM169.90



Converse RM113.90



Jeep Polo Tee RM139.90



Jeep Polo Tee RM109.90



Fourskin RM25.90



Local Brand: RM18.90

Rahsia Kulit Cerah LUX



Setiap wanita mahu tampil dan berasa hebat pada diri sendiri, jadi bagi membantu mereka berasa yakin untuk menyinar, mandian badan LUX White Impress memberikan pengalaman mandian mewah yang menghasilkan kulit cerah yang berharga.

LUX White Impress mempunyai "Triple-Action-System" yang unik yang dirumuskan secara sempurna dengan ekstrak mulberi bagi mencerahkan ton kulit, madu bagi mengekalkan kelembapan dan mikro-kristal bagi pengelupasan kulit menjadikan kulit sehalus sutera dan lembut seperti kulit bayi!

LUX memang dikenali dengan haruman memikatnya yang luar biasa dalam setiap mandian badannya di mana LUX White Impress tidak terkecuali apabila hadir bersama pesona manawan Lili dari lembah, Ros dan Melur yang digandingkan dengan buah-buahan yang bergemerlapan, dan pati vanilla bagi mencipta wangian menggoda yang kontemporari.


Rekaan Terbaru Jeep

Baru-baru ini, Jeep telah melancarkan koleksi Musim Luruh Sejuk 2012/13 yang bertemakan "Love the Earth". Selaras dengan moto jenama ini "Live without Limits", koleksi terbaru ini telah direka khas untuk mereka yang aktif serta warga kota yang menikmati gaya hidup urban di bandar.

Sebagai tanda prihatin terhadap alam semula jadi, Jeep mengetengahkan warna-warna asas seperti coklat, kelabu dan khaki yang amat sesuai untuk dipakai setiap masa. Konsep rekaan koleksi terbaru ini adalah lebih lasak bagi memenuhi cita rasa lelaki masa kini yang menyukai gaya yang lebih 'macho'.



Siri Baru "Dallas"



Pelanggan HyppTV kini dapat membangkitkan semula mood 'cowboy' dengan penyiaran semula siri TV nostalgik dan popular dari Amerika Syarikat, Dallas.

Telekom Malaysia Berhad (TM), menerusi perkhidmatan TV berbayarnya – HyppTV bersama-sama Warner TV membawa kembali memori keluarga Ewing dengan sebuah acara pratonton bersempena tayangan perdana eksklusif Dallas, siri terbaru di Warner TV.

Di Malaysia, siri Dallas terbaru ini boleh ditonton buat pertama kalinya dan secara eksklusif di Saluran 162 di HyppTV TM. Jeremy Kung, Naib Presiden Eksekutif, New Media, TM berkata: "Dengan menetapkan tanda aras, Dallas sering dinobatkan sebagai drama terulung dan merupakan satu kejayaan bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi juga di Asia pada lewat tahun 70-an. Jadi bersama Warner TV, kami membawakan siri penuh drama ini kembali dan memastikan rakyat Malaysia boleh menikmati semula siri penuh nostalgik ini."

LOREAL.. So Yummylicious!



LOREAL baru-baru *nie* memperkenalkan produk terbaru keluaran tahun 2013 yang diberi nama MissCandy, dilengkapi dengan eyeshadow dan Miss Candy Glam Shine Swirl lip glosses.

Kombinasi menarik yang akan membuatkan semua *gurlz* merasakan diri bagaikan seorang bintang popular bergaya di atas *red carpet*. *Eyeshadows* bergemerlapan mengalis lembut di kelopak mata *you all* dan dihiasi dengan bibir bujur yang tercalit rapi *lip gloss* dari pastel cantik bersinar membuatkan diri bertambah yakin berdepan apa sahaja keadaan.

Ibarat Mandi di Kutub

Antabax memperkenalkan produk baru keluaran syarikat mereka Antibacterial Shower Gel dengan ramuan terbaru Icy Cool Protection. Produk terbaru *nie* bukan sahaja melindungi badan *you all* daripada serangan bakteria berbahaya, malah ramuan mentol yang menjanjikan kesegaran luar biasa membuatkan *you all* terasa bagaikan mandi di kutub.

Dengan adanya Antabax Icy Cool Protection *nie*, *you all* akan dijanjikan kesegaran yang sebenarnya untuk tempoh yang lama beberapa jam sesudah mandi.



Karangkraf Lancar eMall



Kumpulan Media Karangkraf, salah satu syarikat terbesar dunia percetakan dan penerbitan di Malaysia mengorak langkah setapak lebih maju ke hadapan apabila memperkenalkan salah satu portal interaktif baru untuk pengguna android dan iOS yang diberi nama aplikasi eMall. Karangkraf sedar, ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi harus bergerak seiringan dalam dunia masa kini.

Dengan memperkenalkan eMall, pengguna *smartphone* mempunyai pilihan selain membeli majalah dan novel di kedai buku dengan cara membeli dan baca di laman eMall sahaja. Pengisian dan kandungan yang sama, tapi dengan harga yang lebih murah.

Menarik bukan? Kini *you all* tidak perlu bersusah payah dapatkan majalah pilihan seperti majalah Yezz! di kedai buku lagi. Semuanya di hujung jari!